



PERUTUSAN Pengerusi
(MESYUARAT JKTNg Bil. 7/2012 PADA 26 JULAI 2012)

1. MAKLUMAN PERTUKARAN KETUA JABATAN

- a) **Y.H. Dato' Haji Tarif bin Haji Abdul Rahman**, Pegawai Daerah Temerloh telah mula bertugas berkuatkuasa pada 16 Julai 2012 menggantikan **Y.H. Dato' Abdull Muain bin Abd. Hamid** yang telah bersara pilihan.
- b) **Y.H. Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajuib bin Che Ibrahim**, Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pahang telah bertukar ke Ibu Pejabat JAS Putrajaya berkuatkuasa 11 Mei 2012.

2. UCAPAN YAB PERDANA MENTERI DALAM PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN PERDANA MENTERI PADA 2 JULAI 2012

- [a] YAB Perdana Menteri dalam ucapannya dalam Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri pada 2 Julai 2012 menekankan bahawa kakitangan Kerajaan

perlu membudayakan konsep kerja cepat, tepat dan berintegriti (CTI). Justeru, CTI harus disokong khidmat yang mempunyai produktiviti, kreativiti dan inovasi (PCI) kerana tanda aras kepuasan rakyat serta masyarakat secara umum meningkat saban hari.

[b] CTI dan PCI mencerminkan proses pembaharuan lebih inovatif yang perlu dilakukan Kerajaan dengan sentiasa mencari idea baru, idea lebih bernas dan tidak begitu konvensional.

[c] Selain itu, *engagement* dengan semua pihak yang terlibat terutama dalam projek-projek pembangunan perlu dibuat dengan lebih kerap. Ini bagi memastikan Kerajaan mendapat *best value for money* dan impak projek berkenaan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengguna.

3. PENGUATKUASAAN PERJANJIAN KONTRAK

Perbincangan Ketua Setiausaha Negara dengan Ketua-ketua Jabatan Agensi Jabatan Perdana Menteri pada 26 Jun 2012 bersetuju bahawa keputusan dan arahan yang dibuat oleh Pegawai Penguasa mestilah berdasarkan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian kontrak pelaksanaan projek pembangunan antara Kerajaan dan kontraktor bagi mengelakkan Kerajaan menanggung kerugian apabila perkara

ini dirujuk kepada timbangtara atau mahkamah. *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) perlu dilaksanakan **tanpa pengecualian kepada mana-mana kontraktor yang gagal menyiapkan projek pembangunan** sebagai mana yang termeterai dalam dokumen kontrak. Tindakan ini juga adalah selaras dengan Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 18 Mac 2011.

4. MEMPERKUKUH KAWALAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN BAGI MENCEGAH KEBOCORAN DAN PENDEDAHAN MAKLUMAT RAHSIA RASMI KERAJAAN

[a] Sejak kebelakangan ini terdapat kecenderungan berlakunya beberapa insiden kebocoran maklumat rahsia rasmi Kerajaan melalui pelbagai saluran khususnya melalui media elektronik seperti laman blog dan seumpamanya. Ini menjejaskan imej dan kredibiliti Kerajaan dan mendatangkan kesusahan untuk remedi.

[b] Sehubungan itu, semua jabatan dan agensi Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan tahap keselamatan perlindungan maklumat, dokumen rahsia dan rahsia rasmi Kerajaan.

5. LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN PERLINDUNGAN BAGI MENCEGAH KEHILANGAN KOMPUTER RIBA DAN PERANTI MUDAH ALIH DI SEKTOR AWAM

- [a] Pengurusan rasmi Kerajaan kini banyak bergantung kepada penggunaan peralatan komunikasi ICT seperti *tablets*, PDAs, telefon bimbit, telefon pintar, kamera digital, cakera padat dan USB.

- [b] Sejak kebelakangan ini terdapat banyak laporan mengenai laporan kehilangan dan kecurian aset Kerajaan. Bagi mencegah insiden ini terus berlaku sehingga mendatangkan implikasi buruk kepada Kerajaan, semua Ketua Jabatan, Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ), Ketua Pegawai Maklumat (CIO) dan semua penjawat awam hendaklah memainkan peranan lebih aktif bagi melaksanakan langkah-langkah kawalan perlindungan bagi peralatan komunikasi ICT ini.

6. PENAMBAHBAIK SEKTOR PERKHIDMATAN AWAM

YAB Perdana Menteri melalui *Government Transformation Programme* (GTP) telah memacu kepada perubahan sistem penyampaian sektor awam bagi merealisasikan 'Rakyat Didahulukan, Penyampaian Diutamakan'. Penjawat awam perlu berfikir luar dari kotak, kreatif dan berinovasi bagi menjadikan perkhidmatan awam berkelas dunia. Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan merupakan tulang belakang kepada GTP

memandangkan kedudukannya yang paling hampir kepada rakyat. Sehubungan itu, fungsi dan peranan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan perlu dipertingkatkan untuk memenuhi keperluan dan kehendak rakyat serta menangani isu-isu yang dibangkitkan dengan berkesan

7. LAPORAN PEMBAYARAN BIL KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI BULAN JUN 2012

[a] Prestasi Pembayaran Bil Kerajaan Negeri Pahang pada bulan Jun 2012 yang telah dibayar dalam tempoh 14 hari adalah 99.70% manakala 0.30% (25 bil) dibayar melebihi 14 hari.

[b] Jabatan berkenaan di mana bil-bil yang dibayar melebihi tempoh 14 hari ialah;

i)	Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis	-18 bil
ii)	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	- 3 bil
iii)	Jabatan Perhutanan Negeri Pahang	- 1 bil
iv)	Dewan Undangan Negeri	- 1 bil
v)	Jabatan Kerja Raya	- 1 bil
vi)	Pejabat Daerah Dan Tanah Jerantut	- 1 bil